

**Kerajaan Pusat Belanja RM104 Juta Untuk Projek Agama Di Kedah Sejak 2008**  
**Bernama**  
**10 Oktober, 2012**

BANDAR BAHARU, 10 Okt (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM104 juta untuk pembangunan projek keagamaan di seluruh negeri Kedah sejak 2008 sehingga kini.

Pegawai Kemajuan Negeri Kedah Datuk Azmi Lateh berkata kos tersebut adalah untuk 900 projek termasuk membina 31 masjid di beberapa daerah di negeri ini selain kerja-kerja membina dan menaik taraf surau dan sebagainya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Projek untuk pembinaan Masjid Daerah Bandar Baharu di Serdang dekat sini Rabu, Azmi berkata jumlah itu turut melibatkan kos membina empat masjid dalam kawasan Parlimen Kulim/Bandar Baharu.

Katanya selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) juga telah membayar sejumlah RM50 juta untuk elaun dan gaji guru-guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) serta imam di negeri ini dalam tempoh sama.

Sementara itu, Azmi berkata kerja pembinaan masjid berkenaan bermula September lalu dan dijangka siap pada November tahun depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701000>